

15/05/2000

Orang Umno perlu dipulihkan dulu

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad memilih pendekatan mengkritik diri atau lebih tepat 'membelasah Umno' dalam ucapan penangguhan Perhimpunan Agung Umno ke-54 kelmarin. Kecaman Presiden Umno itu dibuat mungkin disebabkan beliau tidak ada pilihan lain untuk membersihkan Umno kerana sudah pelbagai cara dilakukan untuk menyedarkan ahli dan pemimpin mengenai pelbagai ancaman dari dalam dan luar parti bagi mengelakkan Umno menjadi parti terbuang. Tetapi ingatan demi ingatan yang diberikan hanyalah ibarat mencurahkan air di daun keladi. Sikap dan perangai sesetengah ahli dan pemimpin Umno menyebabkan rakyat meluat dan menjauhkan diri daripada perjuangan parti. Diharapkan pendekatan Dr Mahathir kali ini dapat meninggalkan kesan yang positif.

Jika dalam ucapan dasarnya di perhimpunan agung itu Presiden Umno itu menegur perubahan sikap rakyat kesan kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), terutamanya orang Melayu, dalam ucapannya kelmarin pula, gambaran siapa sebenarnya antara orang Melayu yang dimaksudkannya kian jelas. Ada kalangan orang Umno yang selama ini mendapat nikmat hasil DEB sendiri, turut tidak mengenang budi - mereka menikam Umno. Pemimpin dan ahli Umno tidak boleh lari daripada kenyataan bahawa mereka juga menjadi punca kemerosotan prestasi Umno dalam pilihan raya umum lalu. Ketika Umno diserang dari segenap penjuru, ahli-ahli Umno hanya berdiam diri dan hanya mampu jadi pemerhati. Malah, ada antara mereka yang turut mengapi-apikan keadaan. Paling buruk, mereka sendiri menukar haluan dan mengundi parti pembangkang. Mereka memperlecehkan calon yang dipilih, mengutuk Umno dan pelbagai tindakan aneh yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Kekuatan 2.8 juta ahli Umno, tidak digemblengkan sepenuhnya, sebaliknya undi yang diperolehi di sesetengah kawasan menunjukkan ahli Umno sendiri memberi kelebihan kepada pembangkang. Semua ini menunjukkan kesetiaan ahli Umno kepada parti begitu rapuh. Mereka diibaratkan seperti pagar makan padi. Mereka seolah-olah menyokong apa saja tindakan parti tetapi sokongan mereka sebenarnya membawa rebah.

Jika Dr Mahathir menggunakan perkataan 'terdesak' (desperate) dalam ucapan penggulangannya, ia jelas menunjukkan bahawa Umno memang memerlukan perubahan segera dari segi sikap ahli dan pemimpin pada semua peringkat, pendekatan mendampingi rakyat dan wawasan baru parti. Ada antara cara politik Umno hari ini tidak boleh lagi diterima oleh rakyat yang mampu membuat penilaian terhadap parti itu. Untuk memastikan parti yang memperjuangkan orang Melayu dan rakyat keseluruhannya diterima untuk selama-lamanya, setiap ahli Umno perlu melihat kelemahan diri dan kekurangan dalam organisasi itu. Suara lantang yang mengecam Umno turut datangnya dari bawah apabila perwakilan membangkitkan pelbagai isu yang menyentuh soal parti dan rakyat. Namun, menyalahkan orang lain memang mudah. Pokok pangkalnya, apa yang mereka sendiri lakukan. Tidak guna mendabik dada sambil berkata mereka adalah pendokong parti dan sanggup berjuang hingga titisan darah yang terakhir tetapi melihat kepada tingkah laku mereka, tidak ada orang yang percaya.

Apakah yang mereka lakukan ketika pemimpin dan Umno diserang hebat? Setelah undi yang diperolehi Umno merosot, orang yang sama menuding kepada pucuk kepemimpinan sedangkan selama ini mereka hanya berpeluk tubuh. Bagi orang Umno, mereka hanya mengharap habuan untuk menjalankan apa juga tugas. Jika tidak disogok dengan wang, mereka tidak mahu melakukan apa-apa, sedangkan mereka sedar tindakan seperti itu akan menyebabkan bangsa,

agama dan negara tergadai. Politik wang bukanlah sesuatu yang direka-reka, tetapi orang Umno sendiri yang menjadi pendokong kepada politik wang. Tindakan sesetengah ahli dan pemimpin ini menimbulkan rasa jijik rakyat. Disebabkan mereka adalah pemimpin Umno, maka nama dan imej Umno tercemar. Golongan seperti ini hanya mementingkan kedudukan, jawatan dan habuan. Pada mereka perjuangan untuk membela rakyat tidak menjadi keutamaan. Umno tidak boleh membiarkan golongan seperti ini berada dalam parti kerana merekalah yang diibarat setitik nila, rosak susu sebelanga.

Satu lagi sikap buruk ahli dan pemimpin Umno ialah amat sukar mendengar nasihat. Mereka lebih bersikap bermuka-muka. Di depan mata mereka menunjukkan sokongan yang padu, tetapi setelah selangkah kebelakangan mereka membuat pelbagai tafsiran dan tidak kurang pula mencaci-cerca. Keadaan terdesak untuk memulihkan ahli Umno sendiri, begitu dirasakan. Sebelum rakyat keseluruhannya hendak diberi penjelasan mengenai perjuangan Umno, orang Umno sendiri perlu dipulihkan terlebih dulu. Bagaimana mereka boleh memainkan peranan penting ini sekiranya pendirian mereka sendiri masih terumbang-ambing.

(END)